



**BAHAGIAN PEROLEHAN  
PEKELILING PEROLEHAN BIL. 1 TAHUN 2019**

Semua Ketua Pengarah Jabatan  
Semua Setiausaha Bahagian / Pengarah Bahagian / Institusi  
Semua Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN MESYUARAT PASUKAN PELAKSANA SISTEM  
ePEROLEHAN (eP) BAGI PTJ-PTJ BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA (KPM)**

**1. PENDAHULUAN**

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kepada semua Bahagian / Institusi / Jabatan / Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mengenai pengurusan Mesyuarat Jawatan Kuasa Pelaksana Sistem eP di peringkat Bahagian / Institusi / Jabatan / Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.2. Kementerian Kewangan melalui PK5.1/1PP telah mengeluarkan arahan supaya segala urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding dilaksanakan sepenuhnya menggunakan Sistem eP mulai 1 Januari 2018.
- 1.3. Pekeliling yang sama juga telah menggariskan terma rujukan bagi Pasukan Pelaksana Agensi (Peringkat Jabatan) yang menyatakan

berkenaan keahlian dan peranan Pasukan Pelaksana di **Lampiran 8** kepada **PK5.1/1PP**.

## **2. TAFSIRAN**

Bagi tujuan garis panduan ini:

- 2.1 “Bahagian” ertinya semua Bahagian di Kementerian termasuk Jemaah Nazir, Lembaga Peperiksaan dan Urusetia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia;
- 2.2 “Institusi” ertinya Institut Aminuddin Baki (IAB) Induk, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT).
- 2.3 “Jabatan” ertinya Jabatan Pendidikan Tinggi dan Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti.
- 2.4 “Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)” ertinya semua Jabatan Pendidikan Negeri dan semua Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan.

## **3. PENGURUSAN MESYUARAT PASUKAN PELAKSANA SISTEM eP**

- 3.1 Semua Bahagian, Institusi, Jabatan dan JPN hendaklah menubuhkan Pasukan Pelaksana Sistem eP dengan merujuk kepada **Terma Rujukan** yang telah ditetapkan dalam PK5.1/1PP dari segi Pengerusi, keahlian, peranan dan kekerapan mesyuarat.
- 3.2 Mesyuarat Pasukan Pelaksana Sistem eP di setiap Bahagian, Institusi, Jabatan dan JPN hendaklah dilaksanakan antara bulan **Januari hingga Mei dan Julai hingga November** setiap tahun kerana Mesyuarat

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN MESYUARAT PASUKAN PELAKSANA SISTEM ePEROLEHAN (eP) BAGI PTJ-PTJ BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

---

Pasukan Petugas Sistem eP peringkat KPM akan diadakan pada bulan Jun dan Disember setiap tahun.

- 3.3 Kehadiran wakil daripada Bahagian Perolehan dalam Mesyuarat Pasukan Pelaksana adalah diwajibkan dan jemputan mesyuarat hendaklah diterima oleh Bahagian Perolehan sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari** sebelum tarikh mesyuarat.
- 3.4 Bahagian, Institusi, Jabatan dan JPN yang mempunyai PTJ-PTJ di bawahnya perlu mengambil kira PTJ masing-masing sebagai ahli dalam mesyuarat Pasukan Pelaksana Sistem eP.
- 3.5 Salinan Minit Mesyuarat Pasukan Pelaksana Sistem eP hendaklah **dikemukakan kepada Bahagian Perolehan** untuk tujuan pemantauan dan rekod.

**4. TARIKH BERKUAT KUASA**

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2019**.

**5. PEMAKAIAN**


- 5.1 Garis Panduan ini terpakai kepada semua Bahagian, Institusi, Jabatan dan JPN di bawah KPM.
- 5.2 Bagi perkara-perkara dan isu-isu selain daripada tatacara yang dinyatakan dalam garis panduan ini hendaklah mendapat **kelulusan** daripada **Setiausaha Bahagian Perolehan** terlebih dahulu.

**6. PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan mengenai Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perolehan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 5, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**  
**(u.p. Cawangan Dasar)**  
No. Tel: 03-8884 9292  
No. Faks: 03-8884 6800 / 03-8884 6891

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
**AEDY FADLY BIN RAMLI**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perolehan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Tarikh: **28/12/2018**